

# Pinjaman tidak dirunding semula

BH - 5 AUG 1994

Oleh Lichong Angkui dan Ebi Azly Abdullah

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Malaysia tidak ber-cadang untuk merundingkan semula soal pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Britain bagi projek hidro elektrik Pergau di Kelantan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan tidak pernah meminta Britain mengadakan rundingan semula berhubung pinjaman itu seperti dilaporkan oleh media Barat baru-baru ini.

Beliau juga menafikan kononnya ada usaha pihak tertentu di negara ini untuk merundingkan semula pinjaman berkenaan.

"Saya tidak sedar mengenai perkara ini (rundingan semula pinjaman) dan laporan itu datangnya dari Eropah.

"Setakat pengetahuan saya, tidak ada sebarang permintaan seumpamanya.

"Kita tidak meminta apa-apa...kita tidak meminta lebih.

"Kita juga tidak meminta kurang. Kita berpegang kepada janji," katanya menjawab soalan pemberita selepas melancarkan Kempen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 1994 di sini hari ini.

Laporan akhbar minggu lalu menyebut rundingan semula itu diadakan berikutan pengurangan subsidi projek berkenaan oleh kerajaan Britain.

Projek empangan Pergau bernilai kira-kira RM930 juta (234 juta Pound Sterling) dibiayai oleh Kerajaan Britain.

Menurut Perdana Menteri, beliau menyamak dengan pegawai kerajaan sama ada wujud permintaan supaya rundingan semula diadakan berhubung pinjaman projek Pergau tetapi didapati tidak ada langkah sedemikian diambil oleh kerajaan negara ini.

Kerana itu, kata Dr Mahathir, beliau tidak tahu bagaimana agensi berita dari Eropah mendapat maklumat mengenai per-

kara itu.

Ditanya apakah boleh jika pinjaman itu dikurangkan, Perdana Menteri berkata: "Kita tak nak kurang... nanti dituduh pula ada unsur-unsur rasuah. Susah nak berniaga dengan orang semacam ini."

Beliau berkata, terserah kepada Parlimen Britain membahaskan perkara itu dan terpulung kepada mereka mengam-bil tindakan.

"Tetapi yang penting apabila kita membuat perjanjian, kita kena tunaikan janji.

"Perjanjian ini mempunyai status perundangan yang tidak boleh ditukar oleh mana-mana pihak dengan sendirinya, dengan sewenang-wenangnya," katanya.

Dr Mahathir juga menegaskan, keputusan kerajaan untuk tidak memberi kontrak baru kepada syarikat Britain di negara ini

tidak berubah dan masih berkuatkuasa.

Mengenai dakwaan bahawa syarikat pembalakan dari Malaysia adalah antara yang menipu Kepulauan Solomon, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak campur tangan mengenainya.

Menurutnya, jika benar syarikat pembalakan itu memasuki kawasan wilayah orang lain, ia melakukan kesalahan.